

Headline **Sayangi alam sekitar**  
Date **23 Feb 2010**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Supplement**  
Journalist **Mohd Fadzly Mohd Izab**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **A10**  
Article Size **418 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **8,261**  
PRValue **24,784**



# Sayangi alam sekitar



TERRYNZ Tan memberi penjelasan kepada murid sekolah bagaimana kitar semula dapat memulihara alam sekitar sambil disaksikan Mohd Anuar Abdul Hamid di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

**MOHD. FADZLY**

**MOHD. IZAB**

**S**ERAMAI 70,443 pelajar dari 50 buah sekolah rendah di sekitar Lembah Klang akan mengambil bahagian dalam program *Nurture for Nature* berbanding hanya 25 buah sekolah yang menyertainya tahun lalu.

Program anjuran Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd. itu dilancarkan sebagai usaha menggalakkan pelajar mengamalkan sikap bertanggungjawab dengan memulihara dan memelihara alam sekitar.

Program itu dilancarkan secara rasmi bagi tahun keduanya baru-baru ini di Sekolah Kebangsaan (SK) Seksyen 9, Shah Alam, Selangor dan mendapat sokongan dari Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) serta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Program pemuliharaan alam sekitar yang bermula sebagai program mengitar semula kotak minuman kini telah diperluaskan merangkumi aspek-aspek elemen alam sekitar seperti kitar semula dan pemanasan global.

Tunjang program ini termasuk ceramah pendidikan dan pertandingan kitar semula kotak minu-

man melibatkan 50 buah sekolah.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), **Mohd. Anuar Abdul Hamid**, kanak-kanak perlu belajar mengenai pemuliharaan dunia dari usia muda memandangkan peningkatan masalah alam sekitar yang semakin runcing pada masa kini.

"Struktur program seperti ini yang berasaskan kegiatan aktiviti adalah landasan baik bagi menggalakkan para pelajar meningkatkan pemahaman tentang pemuliharaan alam sekitar dengan cara yang menyeronokkan dan interaktif," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Pengarah Komunikasi dan Alam Sekitar Tetra Pak, **TerryNZ Tan** berkata, pihaknya turut menyediakan bahan bacaan kepada sekolah mengenai pengitaran

semula kotak minuman dan isu-isu berkaitan untuk dipaparkan di papan notis khas atau dikenali sebagai "Sudut Tetra Pak" yang akan memaparkan carta kutipan

kotak minuman terpakai serta informasi berkenaan alam sekitar.

"Tetra Pak sentiasa komited untuk mendidik pelajar bahawa amalan mengitar semula itu mudah untuk diamalkan dan mereka mampu menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar," katanya.

Selain itu jelasnya, Tetra Pak juga akan membantu setiap sekolah mendirikan kumpulan *Nature Rangers* (Renjer Alam

Sekitar) yang terdiri daripada 10 pelajar bagi membantu guru dalam pengurusan dan pengendalian pertandingan serta menjadi perantaraan untuk mendorong rakan mereka menjadi lebih proaktif terhadap isu alam sekitar.

"Kami juga berharap usaha ini akan menanam sifat bertanggungjawab dan bekerja sama dikalangan para pelajar seterusnya menjadikan kumpulan *Nature Rangers* ini sebagai satu kegiatan kokurikulum yang boleh disertai semua pelajar," tambahnya.

Beliau memberitahu, pihaknya akan menderma bagi menyokong projek Pusat Pendidikan Alam Se-

Headline **Sayangi alam sekitar**  
Date **23 Feb 2010**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Supplement**  
Journalist **Mohd Fadzly Mohd Izab**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **A10**  
Article Size **418 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **8,261**  
PRValue **24,784**

kitar (EEC) yang bermatlamat untuk menjadi tapak menjalankan ceramah, bengkel dan aktiviti berkumpulan yang lain untuk pelajar sekolah, orang umum dan pelawat.

Pengarah Program Eko-Pelancongan dan Hutan Bandar, Jabatan Perhutanan & Alam Sekitar FRIM, **Dr. Noor Azlin Yahya** pula berkata, usaha pembelajaran dalam kelas yang dijalankan berserta aktiviti luar kelas yang menyeronokkan akan menanam rasa menghargai dan

sayangkan flora dan fauna yang begitu unik di negara ini.

"EEC yang akan dilancarkan sempena sambutan Hari Alam Sekitar Dunia Jun ini akan memamerkan pelbagai barangan termasuk bahan penulisan dan barang penggunaan rumah serta tong mengitar semula yang diperbuat daripada kotak minuman yang telah dikitar semula bagi memupuk amalan gaya hidup yang lebih mesra alam sekitar," katanya.

Sekolah yang berjaya mengum-

pul kotak minuman terpakai paling banyak semasa program ini akan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM5,000 sementara pemenang tempat kedua dan ketiga pula masing-masing akan membawa pulang RM3,000 dan RM2,000.

Turut disediakan hadiah bulanan kepada sekolah dan kelas yang berjaya mengumpul jumlah kutipan kotak minuman terpakai paling banyak sebagai usaha untuk menggalakan para pelajar terus berusaha mengamalkan tabiat mengitar semula.